

**UJIAN PERTENGAHAN TAHUN
BAHASA MELAYU
TINGKATAN 1**

NAMA:

KELAS :

.....
KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI BAHAGIAN A,B DAN C. JAWAB SEMUA SOALAN

BAHAGIAN A

[5 markah]


Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Pegawai yang bertugas di kaunter hadapan itu dengan senyuman.
A. miskin
B. murah
C. mahal
D. kurang
2. Sejak lagi, Pak Darus sudah pergi ke kebun getahnya untuk menorah getah.
A. baru-baru
B. awal-awal
C. hari-hari
D. akhir-akhir
3. perangai buruknya Osman semakin menjadi-jadi.
A. Dari sehari ke sehari
B. Daripada hari ke sehari
C. Dari sehari ke hari
D. Daripada hari ke hari
4. Sampah sarap yang di tepi longkang itu dihurung lalat.
A. berkaparan
B. bergelimpangan
C. berhamburan
D. bertaburan
5. Peristiwa dia berlari semasa diserang angsa nenek terasa lucu sekali.
A. laju seperti harimau
B. pantas seperti kilat
C. laju macam guruh
D. pantas seperti singa

BAHAGIAN B
Jawab semua soalan

[12 markah]

1. Dalam poster di bawah terdapat **empat kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis semula ejaan yang betul pada ruangan yang disediakan.



- 1)
- 2)
- 3)
- 4)

2. Tentukan pola ayat dasar bagi ayat-ayat yang diberi.

AYAT	POLA AYAT DASAR
Cikgu Latifah sangat rajin bekerja.	
Adik menangis teresak-esak di dalam bilik.	
Kucing itu di dalam kotak.	

3. Berdasarkan novel Formula Termodinamik, suaikan peristiwa berkaitan dengan perwatakan yang disediakan

Peristiwa
Amir mencipta mesin 2 dan 1 berpandukan Formula Dua Hukum Popular Termodinamik.
Damit terlalu sibuk dengan urusan perniagaan sehingga tiada masa untuk bersama-sama keluarga
Amir membuat rancangan untuk memberkas penjenayah yang mencuri baja subsidi penduduk kampung.
Amir memaafkan Aswan walaupun banyak kesalahan yang dilakukan Aswan terhadapnya.
Aswan begitu iri hati terhadap Usamah dan Amir. Dia juga mahu mengubah suai mesin agar mendapat nama di hati orang.

Perwatakan
Seorang yang iri hati dengan kejayaan orang lain.
Seorang yang bijaksana
Seorang yang pemaaf
Seorang yang kreatif dan inovatif
Seorang yang mementingkan kerjaya

BAHAGIAN C
PENULISAN
[13 markah]

Geserkan ayat-ayat yang diberi mengikut susunan bagi membentuk perenggan pendahuluan, perenggan isi dan perenggan penutup yang lengkap.

PILIHAN JAWAPAN

Oleh itu, langkah-langkah untuk memupuk semangat patriotisme wajar dilaksanakan sebaik-baiknya agar kecintaan remaja terhadap negara tidak terus lenyap.

Perkara ini menjadi kebimbangan masyarakat dan pemimpin negara.

Namun begitu, kini semangat cinta akan negara ini semakin luntur dalam kalangan remaja.

Pada era kemodenan ini, negara amat memerlukan remaja yang kukuh dengan semangat patriotisme.

PERENGKAN PENDAHULUAN

PERENGKAN ISI

PILIHAN JAWAPAN

Hal ini dikatakan demikian kerana segelintir remaja kian hilang jati diri dan terlalu mengagung-agungkan budaya Barat.

Kesimpulannya, sambutan Hari Kebangsaan ini penting dan harus diraikan bersama-sama.

Sambutan Hari Kebangsaan perlu diadakan untuk mengukuhkan jati diri remaja.

Sebagai contohnya, remaja hari ini lebih terikut-ikut dengan cara pemakaian dan pergaulan dari Barat.

PERENGKAN PENUTUP

PILIHAN JAWAPAN

Semangat cinta akan negara yang ada dalam jiwa ini diharapkan dapat melahirkan generasi yang berkualiti dan dapat membina negara yang cemerlang serta gemilang.

Oleh itu, semua pihak perlu berganding bahu melaksanakan pelbagai langkah bagi memupuk semangat cinta akan negara dalam kalangan remaja.

Kesimpulannya, semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat khususnya remaja amat penting dalam membina generasi yang menyayangi negara.

SOALAN TAMAT